

MyGAP bantu tingkat hasil pengeluaran

KUALA LUMPUR 17 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan persijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) pada tahun ini bertambah bagi memastikan hasil pengeluaran petani, peternak dan nelayan meningkat.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya sedang berusaha untuk mengharmonikan standard MyGAP dengan standard antarabangsa ASEANGAP dan GlobalGAP bagi meningkatkan daya saing produk negara ini di peringkat antarabangsa.

"Skim persijilan ini dirancang untuk memberi pengiktirafan kepada pengusaha ladang yang melaksanakan amalan pertanian baik dan berkonsepkan mesra alam sekitar.

"Kita percaya jika mereka mengikut peraturan dan jadual yang ditetapkan kerajaan, hasil pengeluaran akan mencatatkan peningkatan pengeluaran. Justeru, bagi MyGAP, kementerian menyasarkan sebanyak 750 ladang tanaman, 106 ladang akuakultur dan 1,834 ladang ternakan," katanya berucap dalam majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

2015 kementerian itu di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalannya, Datuk Tajuddin Abd. Rahman; Ketua Setiausahaanya, Datuk Mohd. Arif Ab Rahman; Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Samsolbari Jamali dan Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Ahmad Zakaria Mohamad Sidek.

Dalam majlis tersebut, seramai 1,906 pegawai dan kakitangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta agensi di bawahnya, LPNM, Jabatan Pertanian Malaysia, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu menerima pengiktirafan di atas prestasi kerja cemerlang.

Dalam pada itu, mengulas mengenai cabaran dalam sektor pertanian bagi memastikan bekalan makanan mencukupi, Ismail Sabri menjelaskan, pihaknya mengalami beberapa masalah antaranya sumber tanah terhad, kekurangan tenaga pekerja dan perubahan iklim.

"Oleh itu, kita telah merangka beberapa rangka melalui Pelan Transformasi Pertanian untuk Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-

11) seperti menyasarkan peningkatan hasil pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan negara sekurang-kurangnya 10 peratus berbanding tahun lalu.

"Malah, penguasaan ke atas rantaian nilai sektor agromakanan melalui program jihad memerangi orang tengah dan melibatkan lebih ramai golongan muda bagi memastikan keseimbangan perkembangan industri pertanian dan asas tani negara," katanya.

Sementara itu, mengenai sektor agromakanan, Ismail Sabri berkata, untuk suku keempat tahun lalu telah berkembang baik pada kadar 5.3 peratus atau RM6.5 bilion berbanding tahun sebelumnya, RM6 bilion.

Katanya, pertumbuhan positif sektor tersebut disokong oleh pertumbuhan industri ternakan ayam dan itik iaitu 8.8 peratus, sayur (lapan peratus), akuakultur (5.2 peratus) dan buah-buahan (4.1 peratus).

"Bagaimanapun, industri padi dan perikanan laut mengalami pertumbuhan negatif iaitu masing-masing pada kadar 3.1 peratus dan 0.1 peratus," katanya.

UTUSAN
18/03/15



ISMAIL SABRI YAAKOB (kiri) menyampaikan anugerah kepada salah seorang kakitangan kementerian sambil diperhatikan Mohd. Arif Ab Rahman di Serdang, semalam.